

Zylane, Hua Wei gagal pertahan emas

KUALA LUMPUR 18 Ogos - Hajat Zylane Lee bersama gandingan baharunya, Gan Hua Wei untuk mempertahankan emas yang dimenangi skuad renang berirama dua tahun lalu tidak kesampaian apabila tewas kepada pasangan Singapura, Miya Yong Hsing-Debbie Soh Li Fei dalam aksi *final* rutin duet teknikal Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil hari ini.

Gandingan negara menamatkan aksi dengan mengumpul 74.3659 mata sekali gus gagal mengatasi pasangan Singapura meraih 75.1791 mata untuk merangkul emas manakala gangsa menjadi milik Anisa Feritrianti-Claudia Megawati Suyanto dari Indonesia (68.9504).

Walaupun tewas, namun ia tidak meluntur semangat Zylane dan Hua Wei untuk terus memburu dua lagi emas yang tinggal daripada lima emas ditawarkan secara keseluruhan. Zylane menjelaskan bahawa dia dan Hua Wei telah memberikan yang terbaik dan tekad untuk tidak melepaskan dua lagi pingat yang tinggal kepada pencabar terkuatnya, Singapura.

“Kami telah memberikan yang terbaik dan apa boleh buat (gagal menang emas) kerana seperti



ZYLANE LEE (dua dari kiri) dan Gan Hua Wei sekadar memenangi pingat perak dalam acara rutin duet teknikal di Pusat Akuatik, Bukit Jalil, semalam.

saya cakap sebelum ini, sukan ini merupakan subjektif di mana pemarahman bergantung kepada penilaian juri.

“Ahad ini masih ada dua pingat emas lagi, jadi sudah pasti

kami tidak akan melepaskan peluang untuk mendapatkannya dan sedar saingan sengit bakal dihadapi dari Singapura,” katanya sejurus majlis penyampaian hadiah di sini hari ini.

Berdasarkan rekod, Zylane dan Katrina Ann Abdul Hadi memenangi emas dalam acara itu dua tahun lalu di temasya terbesar Asia Tenggara tersebut di Singapura.